

ALOR STAR, 13 MAC (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENSIFATKAN KEMAJUAN PESAT SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA SEBAGAI PERKEMBANGAN SINAT DALAM SISTEM PELAJARAN NEGARA INI.

KATANYA, KEBANYAKAN SEKOLAH UGAMA TELAH MEMBERI TEMPAT KEPADA MATAPELAJARAN—MATAPELAJARAN YANG TIDAK DITUMPUKAN KHAS KEPADA UGAMA, SEMENTARA PELAJARAN UGAMA DIBERI TEMPAT YANG SAMA DENGAN MATA PELAJARAN LAIN DI SEKOLAH-SEKOLAH BIASA.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN MAKTAB PENGAJIAN ISLAM, SEBUAH MAKTAB PERSEN-DIRIAN DEKAT KODIANG, 28 BATU DARI SINI.

KATANYA, ADALAH MENJADI HASRAT DAN CITA-CITA KEMENTERIAN PELAJARAN UNTUK MELAHIRKAN DUA GOLONGAN CERDEK PANDAI NEGARA IAITU GOLONGAN CERDEK PANDAI UGAMA DAN CERDEK PANDAI DI BIDANG-BIDANG LAIN YANG BERLANDASKAN SATU TITIK PERSAMAAN-KEISLAMAN.

INI AKAN MENJAMIN PEMBANGUNAN BERJALAN SELARI DENGAN PERKEMBANGAN KEROHANIAN UNTUK MENCEGAH KEMUNGKINAN UGAMA DIGANTIKAN DENGAN IDEOLOGI MATERIALIS. --BERSAMBUNG 1733/MD

572:
MAHATHIR-SEKOLAH 2 ALOR SETAR

KATANAYA, SEBARANG PEMISAHAN ANTARA GOLONGAN CERDEK PANDAI UGAMA DENGAN CERDEK PANDAI DI BIDANG-BIDANG LAIN BUKAN SAHAJA AKAN MENYEBABKAN KELEMAHAN BAKKAN AKAN MENJADI FAKTOR PERPECAHAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI DR. MAHATHIR BERHARAP INSTITIUSI-INSTITIUSI PENGAJIAN ISLAM DAPAT MENGADAKAN PERSEIMBANGAN YANG SESUAI DIANTARA PELAJARAN UGAMA DENGAN PELAJARAN UMUM.

DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, KATANYA PELAJAR-PELAJAR TEMPATAN DI INSTITIUSI-INSTITIUSI SEPERTI ITU AKAN DAPAT MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MEMASUKI MASYARAKAT MODEN DAN SAINTIFIK BERDASARKAN KEPADA KONSEP DAN AJARAN ISLAM. --BERNAMA 1737/MD